

Banjir: 50 petani Dun Sungai Burong tanggung kerugian

TANJONG KARANG - Lebih 50 petani Dun Sungai Burong terpaksa menanggung kerugian hampir RM30,000 akibat banjir kilat yang melanda kawasan itu, baru-baru ini.

Ketua Pemuda Umno Bahagian Tanjong Karang, Maruwan Ahmad menjelaskan, pihaknya juga tidak menyangka banjir kilat akibat hujan lebat luar biasa yang melanda kawasan itu menjejaskan hasil tanaman petani.

"Petani tanaman jagung, cili, kacang dan timun di kawasan Sungai Sireh, Parit 1, 2 dan 3 terjejas akibat banjir kilat selepas air parit tidak dapat mengalir sempurna.

"Petani pun tak sangka cuaca tak menentu dalam Januari dan Februari sedangkan mereka buat persediaan Disember lalu sebab dalam musim tengkujuh," katanya.

Maruwan yang juga Pegawai Khas Adun Sungai Burong berkata, hasil tinjauan bersama Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Tanjong Karang mendapati laluan air tidak sempurna berikutan kerja penyelenggaraan tidak memuaskan.

"Saya mohon pihak berwajib supaya dapat mengorek dan membersihkan parit disebabkan rumpai yang hanya diracun..sepatutnya parit dicuci supaya air dapat mengalir sempurna.

"Kalau boleh kerja penyelenggaraan dibuat enam bulan sekali dan memastikan parit di kawasan pertanian dipantau bagi mengelakkan kejadian sama berulang," katanya.

Menurutnya, sebarang bentuk permohonan bantuan untuk petani yang terjejas akan dipanjangkan kepada urusetia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen (MPP) Tanjong Karang.

"Selain isu petani yang terjejas, pihak pejabat Adun Sungai Burong juga menerima laporan mengenai dua rumah penduduk turut dinaiki air akibat banjir kilat di Ibu Ampangan.

"Air melimpah masuk dalam rumah setinggi 0.3 meter bagaimana pun air dapat dipam keluar menggunakan mesin," katanya ketika mengulas isu petani terjejas akibat banjir kilat di Dun berkenaan.



Maruwan (dua, kanan) meninjau hasil tanaman petani di Dun Sungai Burong.